

Appendix A Soalan Temuduga Pakar

KATEGORI	SOALAN BERKAITAN KEBERAGAMAAN
Membina Rappo	Boleh nyatakan nama penuh, jawatan yang dipegang sekarang, latar belakang pendidikan dan lain-lain maklumat yang boleh dikongsikan
Eksplorasi	S1. Pada pandangan anda apakah dimaksudkan dengan orang yang beragama? S2. Pada pandangan anda bolehkah alat mengukur keberagamaan dibangunkan?
	S3. Apa pandangan anda tentang perkataan <i>Mutadayyin</i> untuk orang beragama?
	S4. Dalam dunia masa kini adakah terdapat keperluan manusia menjadi orang yang beragama?
	S5. Apakah ciri-ciri orang yang beragama pada masa kini?
	S6. Bagaimanakah orang-orang yang beragama sepatutnya bertingkah laku?
	S7. Apakah kepercayaan orang-orang yang dikatakan beragama?
	S8. Bagaimanakah emosi orang-orang yang beragama?
	S9. Apa pandangan tentang penggunaan perkataan <i>Mutadayyin</i> pada orang-orang yang beragama?
	S10. Bagaimanakah cara untuk meningkatkan tahap <i>Mutadayyin</i> dalam diri seseorang?
	S11. Bagaimana isu-isu semasa yang berlaku boleh dibantu melalui konsep <i>Mutadayyin</i> ?
Penamatan	Adakah apa-apa lagi yang ingin dikongsikan berkaitan perbincangan kita pada hari ini?

Appendix B Borang Analisis Temuduga

Ybhg. Prof/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan dan Puan,

ANALISIS TEMUDUGA KAJIAN PEMBINAAN INVENTORI *MUTADAYYIN*

Hasil analisis temuduga separuh berstruktur ini menggunakan Atlas T.I 8 untuk mendapatkan tiga kod terbaik untuk setiap sub konstruk. Terdapat empat konstruk utama iaitu Islam, Iman, Ihsan dan Ilmu. Setiap satu konstruk utama mempunyai tiga sub konstruk masing-masing iaitu Emosi, Kognitif dan Tingkahlaku menjadikan 12 sub konstruk kesemuanya:

a. Konsep Islam – Merujuk kepada rukun Islam yang lima	
1) Sub konstruk Islam Emosi	Emosi, komitmen, kesungguhan berkaitan rukun Islam
2) Sub konstruk Islam Kognitif	Pemikiran, kepercayaan berkaitan rukun Islam
3) Sub konstruk Islam Tingkahlaku	Perbuatan dan amalan berkaitan rukun Islam
b. Konsep Iman - Merujuk kepada rukun Iman yang enam	
1) Sub konstruk Iman Emosi	Emosi, komitmen, kesungguhan berkaitan rukun Iman
2) Sub konstruk Iman Kognitif	Pemikiran, kepercayaan berkaitan rukun Iman
3) Sub konstruk Iman Tingkahlaku	Perbuatan dan amalan berkaitan rukun Iman
c. Konsep Ihsan - Merujuk kepada hubungan dengan Allah, manusia, makhluk lain dan penjagaan kesihatan dan diri	
1) Sub konstruk Ihsan Emosi	Emosi, komitmen, kesungguhan berkaitan hubungan dengan Allah, manusia, makhluk lain dan penjagaan kesihatan dan diri
2) Sub konstruk Ihsan Kognitif	Pemikiran, kepercayaan berkaitan hubungan dengan Allah, manusia, makhluk lain dan penjagaan kesihatan dan diri
3) Sub konstruk Ihsan Tingkahlaku	Perbuatan dan amalan berkaitan hubungan dengan Allah, manusia, makhluk lain dan penjagaan kesihatan dan diri
d. Konsep Ilmu - Merujuk kepada pembelajaran dan pendidikan	
1) Sub konstruk Ilmu Emosi	Emosi, komitmen, kesungguhan berkaitan dengan pembelajaran dan pendidikan
2) Sub konstruk Ilmu Kognitif	Pemikiran, kepercayaan berkaitan berkaitan dengan pembelajaran dan pendidikan
3) Sub konstruk Ilmu Tingkahlaku	Perbuatan dan amalan berkaitan dengan pembelajaran dan pendidikan

Sila tandakan (✓) untuk menyatakan persetujuan anda

Sub Konstruk	Bil	Penyataan	Setuju	Tidak Setuju	Catatan
ISLAM EMOSI Emosi, komitmen, kesungguhan berkaitan rukun Islam	1	Solat itu nak khusyuk pun payah tau. Level of khusyuk kita itu tidak tahu lah. Pergi skala 2 pun susah nak dapat. Lainlah para sahabatkan, masa dia mati pun masa sembahyang orang tikam dia tidak rasa. Terus mati. Dia memang sembahyang tu dia memang ingat Tuhan segala-galanya. Kita tidak.			
	2	Dia lahir dia rasa seronok dia nak beramal . [Lahir rasa seronok untuk beramal]			
	3	Kalau kita boleh sembahyang. Kalau tidak boleh sembahyang kena sembahyang duduk, sakit. Sedih kita. Itu tidak rasa kebahagiaan . [Sedih rasa jika kena sembahyang duduk kerana sakit, tidak rasa kebahagiaan]			
			Setuju	Tidak Setuju	Catatan
ISLAM KOGNITIF Pemikiran, kepercayaan berkaitan rukun Islam	1	Jadi yang tinggal hanya mungkin solat dan puasalah dan kualiti amalan ini jugakan. Macam mana kualiti amalannya macam mana .			
	2	Dalam fikirannya? Okay dalam fikiran dia kalau ikut dari segi ibadah itu, pertama hal ibadah banyak kita kaitkan diterima atau tidak . Apa-apa perkara “innamal a’malu binniat” dia akan bermula dengan asas paksinya dengan niat tadilah. Kita tidak boleh lari tentang itu.			
	3	Dia sudah tentu seorang yang tepat dengan masa dan tingkah laku tentang amalan solatnya dari itu melatih dirinya untuk jadi seorang yang peka pada masa dan sentiasa memenuhi masanya dengan amalan-amalan yang baik. Itu satu juzudlah.			
			Setuju	Tidak Setuju	Catatan
ISLAM TINGKAHLAKU Perbuatan dan amalan berkaitan rukun Islam	1	Jadi contohnya kalau solat, sembahyang awal waktu			
	2	Sejauh mana dia solat, dan apa amalan solat dia, then dia pergi ke rumah ibadat atau tidak, maksudnya pergi ke masjid, surau atau tidak, terlibat dengan aktiviti-aktiviti keagamaan yang dianjurkan oleh pihak-pihak agama yang berkaitan.			
	3	So keagamaan ini adalah religiositi. Lebih kepada ritual agama yang disusun dengan jelas berpanduan contohnya sembahyang lima waktu, puasa, sedekah, zikir, tahajud itu semua adalah religiositi ataupun ritual-ritual agama.			

Sub Konstruk	Bil	Penyataan	Setuju	Tidak Setuju	Catatan
IMAN EMOSI Emosi, komitmen, kesungguhan berkaitan rukun Iman	1	Dia akan sentiasa terbuka sifat redhanya tinggi dia akan menghadapi ujian itu dengan penuh, konsisten.			
	2	Saya takut memikirkan balasan jika saya membuat dosa.			
	3	Tapi kalau datang dari hati yang salim yang bersih, sejahtera. Bila ujian dari Tuhan , atau dari orang yang dengki dengan kita, menghadapi masalah maka hati yang bersih itu bagaimana respon dia daripada hati dia? Dia akan lebih tenang . Menganggap ianya ujian dari Tuhan.			
			Setuju	Tidak Setuju	Catatan
IMAN KOGNITIF Pemikiran, kepercayaan berkaitan rukun Iman	1	Allah Maha Besar menentukan Qada” dan Qadar ketentuan ada hikmah terbaik dalam kehidupan kita. So sangat berkesan. Pemikiran itu, sebab itu Allah kata gunakan akal kita.			
	2	Sebab itu al-Quran kata ... orang yang paling mulia dalam kalangan kamu di sisi Allah adalah orang yang bertakwa.			
	3	Sebab pada saya dia letakkan keyakinan mutlaknya adalah semua itu datang dari Allah S.W.T. kalau dia dapat musibah, dia yakin ini adalah salah satu ujian sebab dia pegang pada ayat yang menyatakan “setiap manusia ini akan diuji di atas dunia ini, siapakah yang paling baik amalannya.”			
			Setuju	Tidak Setuju	Catatan
IMAN TINGKAHLAKU Perbuatan dan amalan berkaitan rukun Iman	1	Dan kemudian dia akan muhasabah , nilai balik, dah sampai tahap ini, ada benda lagi aku nak tingkatkan, kemudian ulang lagi.			
	2	Dia bermonolog dengan Tuhan, bermunajat.			
	3	Kemudian dia akan menjadi seorang yang bersungguh-sungguh sebab pegang kepada konsep... dua prinsip itu dia mestii perlu bawa. Amar makruf nahi mungkar kena digerakkan sebagai orang yang bertakwa.			

Sub Konstruk	Bil	Penyataan	Setuju	Tidak Setuju	Catatan
IHSAN EMOSI Emosi, komitmen, kesungguhan berkaitan hubungan dengan Allah, manusia, makhluk lain dan penjagaan kesihatan dan diri	1	Kalau ada sifat hasad dengki, cemburu dalam diri orang itu tidak beragama.			
	2	Orang yang beragama ini dia hormat, sayang dekat ibu bapa dia . Sebab ibu bapa tu yang didik dia. Ibu bapa dia jahat whatever it is bila dia tahu itu mak ayah dia, dia masih lagi respect to the ibu bapa. Kalau kita tengok dekat situ, kalau daripada ibu bapa saya bergerak kepada kekeluargaan.			
	3	Tetapi kerana Allah. Memang ihsan ini kadang-kadang diuji. Ihsan dengan ikhlas itu sangat berkait rapat. Kita nak buat sesuatu kerana kita rasa Allah tengok kita buat baru kita dapat ikhlas .			
			Setuju	Tidak Setuju	Catatan
IHSAN KOGNITIF Pemikiran, kepercayaan berkaitan hubungan dengan Allah, manusia, makhluk lain dan penjagaan kesihatan dan diri	1	Dan kalau kita percaya , setiap manusia itu, setiap individu sudah di khaskan, tugas dia sebagai khalifah bukan.			
	2	Jadi macam mana orang yang beragama? Kalau orang yang beragama bila dia mendengar satu khabar berita, dia tidak boleh terus percaya. Dia kena tabayyun .			
	3	So kena open minded . Bersifat terbuka. Kita tidak semuanya tepat, betul. Kadang orang lain lagi betul dari kita.			
			Setuju	Tidak Setuju	Catatan
IHSAN TINGKAHLAKU Perbuatan dan amalan berkaitan hubungan dengan Allah, manusia, makhluk lain dan penjagaan kesihatan dan diri	1	Dia hutang dengan kawan dia, dia bayar . Hutang dengan universiti dia pun dia bayar .			
	2	Dia tidak akan tipu . Kalau dia tipu sekéjap pun nanti dia akan mengingat balik semalam dia telah buat itu ini. Dia akan betulkan balik keadaan .			
	3	Selesaikan masalah orang lain dengan memberi bantuan .			

Sub Konstruk	Bil	Penyataan	Setuju	Tidak Setuju	Catatan
ILMU EMOSI Emosi, komitmen, kesungguhan berkaitan dengan pembelajaran dan pendidikan	1	Bagaimana dia, contohnya macam zakat. Apa pandangan anda tentang penggunaan wang zakat sepatutnya? Mungkin dia perlu bayar zakat. Tapi sebagai seorang muslim patutnya dia sudah ada pandangan. Dari pandangan itu kita tahu tahap ilmunya dan juga menggambarkan kepada komitmen dan wawasannya.			
	2	Sama ada dia ikhlas ke tidak dalam belajar niat dia, sabar dia.			
	3	Tapi bagi orang yang sampai pada peringkat yang khusus mereka amat khuatir sekiranya dosa ini menghalang mereka untuk berhubung dengan Allah mereka merasa malu perbuatan ini menyebabkan Allah tak nak melihat dia itu maknanya penghayatannya.			
			Setuju	Tidak Setuju	Catatan
ILMU KOGNITIF Pemikiran, kepercayaan berkaitan berkaitan dengan pembelajaran dan pendidikan	1	Dan kalau dia buat tanpa ilmu, macam orang nak sembahyang tapi dia tidak ada ilmu , macam mana nak sembahyang kalau tidak ada ilmu? Apa rukun sembahyang, macam mana nak ambil air wuduk, tahu ke hukum wuduk tu ada enam, dari mula niat sampai tertib. Kalau dia nak tiru orang dia tidak pasang niat, tidak sah.			
	2	Kalau kita bidang perubatan, sains atau psikologi, atau feqah itu adalah dunia. Macam mana ilmu-ilmu ini boleh berkembang kita tidak boleh rujuk kepada al-Quran sahaja kerana dalam perkembangan ilmu adalah akal. Misalnya muamalat, tidak akan ada perkembangan ilmu ini kita tidak ada akal. Sebab itu hubungan di antara akal dan wahyu ini sangat rapat. Wahyu tidak boleh dilaksanakan kalau tidak ada akal.			
	3	Tak semua orang mesti pakar. Tapi semua orang mesti faham bahawa ilmu ini tidak ada bezanya. Jangan lah ilmu sihir itu adalah perkara yang memudarat. Ilmu itu diperakukan dan disahkan yang bermanfaat maka ia tetap diperakukan oleh Islam.			
			Setuju	Tidak Setuju	Catatan
ILMU TINGKAHLAKU Perbuatan dan amalan berkaitan dengan pembelajaran dan pendidikan	1	Ciri-ciri yang pertama orang itu mesti berilmu. Berilmu maksudnya dia mendalami ilmu agama dalam semua aspek secara umum.			
	2	Dari segi kefahaman dia, sejauh mana dia melaksanakan dalam kehidupan dia.			
	3	<i>Mutadayyin</i> kita orang yang menguasai kedua-dua ilmu tadi. Yang boleh mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli . Kalau dia hanya menguasai ilmu aqli maka dia tempang. Tapi hanya menguasai ilmu naqli juga dia tempang.			

Saya dengan ini mengesahkan telah meneliti analisis temuduga ini dan persetujuan saya telah dinyatakan sebagaimana di atas.


Tanda Tangan dan Cop Rasmi

Nama:

Jawatan:

Organisasi:

Tarikh:



Appendix C Soal Selidik Kesahan Kandungan

MAKLUMAT PANEL

Nama:

Tahap Pendidikan Tertinggi: Doktor Falsafah Sarjana Sarjana Muda

Bidang: _____

Institusi /Organisasi: _____

Alamat Institusi /Organisasi:

Jawatan: _____

Pengalaman Bekerja: _____ tahun

Telefon: _____

Emel: _____

LAMPIRAN A:
SOAL SELIDIK KESAHAN KANDUNGAN
INVENTORI MUTADAYYIN
UNTUK PELAJAR PRA-SISWAZAH MUSLIM

PENILAIAN PAKAR

YgBhg. Prof/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan dan Puan,

LATAR BELAKANG SOAL SELIDIK INVENTORI MUTADAYYIN

Inventori *Mutadayyin* dibangunkan untuk dilaksanakan kepada pelajar pra-siswazah Muslim. Ujian ini dihasilkan untuk digunakan di dalam sesi kaunseling untuk mengukur tahap keberagamaan pelajar Muslim untuk membantu proses perkembangan mereka.

Dalam kajian ini, pembinaan Inventori *Mutadayyin* akan menggabungkan konsep *Mutadayyin* (orang yang beragama) dengan unsur-unsur Terapi Tingkah laku Kognitif (CBT). *Mutadayyin* adalah istilah yang akan digunakan untuk merujuk kepada tahap komitmen agama Islam iaitu Islam, Iman dan Ihsan seperti yang dicadangkan oleh al-Shahrastani merujuk kepada hadis Jibril. **Hasil daripada temuduga separuh berstruktur yang telah dibuat dengan pakar-pakar yang terdiri dari latar belakang agama dan kaunseling, satu konstruk tambahan dimasukkan iaitu Ilmu** menjadikan Inventori *Mutadayyin* mempunyai empat konstruk kesemuanya.

Pendekatan Cognitive Behavioral Therapy (CBT) digunakan dalam membangunkan inventori ini. Setiap sub konstruk domain adalah berasaskan CBT iaitu kognitif, emosi dan tingkah laku. Pendekatan CBT yang digunakan adalah merujuk kepada Kennerley, Kirk & Westbrook (2017). Unsur-unsur CBT membenarkan komitmen agama untuk dinilai berdasarkan kognitif, emosi dan tingkah laku klien.


ASAS TEORETIKAL INVENTORI MUTADAYYIN

a. Mutadayyin

Definisi *Mutadayyin* menggunakan penerangan al-Shahrastani di dalam bukunya *al-Milal wa al-Nihal* iaitu seorang yang beragama yang tunduk, patuh dan yang percaya akan penghakiman dengan keputusan ganjaran atau hukuman. Tiga tahap komitmen agama (permulaan, pertengahan dan akhir): *al-mabda'* (*Islam*), *al-wasat* (*Iman*) *al-Kamal* (*Ihsan*).

Al-Shahrastani memberikan langkah-langkah sistematik kepada tahap komitmen agama di kalangan umat Islam (Muhammad Khalifah Hassan, 1976). *Al-mabda'* adalah tahap pertama komitmen agama yang disebut *Islam* - yang melibatkan tindakan luar penyerahan kepercayaan yang bermula oleh Syahadah, pengisytiharan iman dan kemudian diikuti dengan ritual-ritual Islam: solat, pemberian sedekah, puasa dan ziarah. *Al-wasat* adalah tahap komitmen kedua yang dipanggil *Iman*. Ini adalah dimensi ideologi yang melibatkan kepatuhan kepada *Iman* dalam Islam iaitu kepercayaan kepada Tuhan, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-Nya, hari Kiamat serta *Qada'* dan *Qadar* (dalam penentuan Allah S.W.T oleh segala sesuatu, baik buruk atau baik). Tahap ketiga dan terakhir adalah *al-kamal*, bentuk lengkap komitmen yang dipanggil *Ihsan*. Ini di mana seseorang selalu mengetahui kehadiran Allah S.W.T seolah-olah dia melihat Allah S.W.T dan jika dia tidak dapat melihatnya, dia merasa seolah-olah Allah S.W.T dapat

melihatnya. Ini akan menyebabkan seseorang menjaga hubungannya dengan Allah S.W.T, dengan makhluk-makhluk lain dan dirinya.



Rajah 1: Skala *Mutadayyin* mengikut al-Shahrastani

i. Islam

Seorang muslim mesti menunjukkan kepatuhannya kepada Allah S.W.T dengan menyembahNya, mematuhi perintah-perintahNya dan menghindari laranganNya. Islam datang dengan ibadah yang wajib, orang yang beriman, harus memegang lima pilar Islam, dan lima pilar ini menyatukan umat Islam sebagai masyarakat. 1) Penyerahan diri sebagai hamba Allah S.W.T bermula untuk orang Islam selepas mengisyiharkan iman yang dipanggil mengucap dua kalimah syahadah. Syahadah adalah tiang pertama kepercayaan yang memberi pengakuan bahawa tidak ada tuhan selain Allah S.W.T dan Nabi Muhammad S.A.W adalah utusanNya. Kepercayaan ini adalah kunci kepada Islam dan asas bangunannya. 2) Menunaikan sembahyang lima waktu sehari. 3) Berpuasa pada bulan Ramadhan. 4) Membayar zakat setiap tahun dan; 5) Menunaikan haji ke Mekah jika mampu. Ini adalah ibadah yang bertindak sebagai tugas setiap orang Islam dan merupakan tonggak struktur Islam. Seseorang tidak akan menjadi seorang Muslim sejati sehingga dia percaya dan melakukannya. Di sinilah hanya tindakan luar yang boleh dilihat dengan mata kasar. Seseorang yang beragama Islam tetapi melakukan ibadah tanpa Iman boleh dipanggil sebagai Munafiq.

Dalam kajian ini, Islam akan dibahagikan kepada tiga kategori. Pertama, bagaimana seseorang yang mempercayai ibadahnya akan mempengaruhi hidupnya di dunia dan kehidupan di akhirat. Ini mengikut pendekatan CBT dipanggil kognitif. Kedua, bagaimana emosi seseorang ketika dia melakukan ibadah. Ini akan merangkumi bahagian emosi, dan ketiga, sejauh mana seseorang itu melaksanakan ibadahnya.

ii. Iman

Iman terdiri daripada kepercayaan di hati dan manifes dengan tindakan. Terdapat enam pilar Iman dalam Islam: 1) Beriman kepada Allah S.W.T. Ini adalah untuk mempercayai Allah S.W.T adalah Tuhan dan pencipta alam semesta. Dia adalah pemilik segala-galanya dan hanya Allah S.W.T mempunyai hak untuk disembah. 2) Percaya pada malaikatNya. Malaikat adalah hamba Allah S.W.T yang mulia dan masing-masing bertanggungjawab terhadap peranan tertentu. 3) Percaya kepada kitab-kitab. Ini adalah wahyu Allah S.W.T yang menurunkan kepada rasulNya. Sebagai seorang yang beriman hendaklah percaya al-Quran adalah wahyu yang terakhir dan Allah S.W.T menjamin untuk memelihara al-Quran sehinggalah Hari Akhirat. 4) Percaya kepada para rasul dan nabi. Percaya bahawa Allah S.W.T menurunkan utusanNya untuk membimbing manusia ke arah kebenaran dan Nabi Muhammad adalah utusan terakhir. 5) Percaya pada Hari Akhirat. Ini adalah kepercayaan ada kehidupan selepas kematian di mana Hari Kebangkitan akan berlaku, dan juga Hari Penghakiman yang kemudiannya membawa surga dan neraka. 6)

Percaya kepada qada 'dan qadar. Dalam bahasa Arab, 'qadha' bermaksud membuat keputusan; untuk menyelesaikan; untuk menilai dan 'qadr' bermaksud mengukur; untuk menilai; dan untuk menentukan. Terdapat dua jenis qada ': Qada' Mubram dan Qada 'Muallaq. Qada 'Mubram bermaksud bahawa nasib pasti yang tidak boleh diubah misalnya setiap manusia akan mati dan hanya wanita yang dapat hamil dan melahirkan. Qada 'Muallaq boleh berubah.

Iman adalah peringkat kedua. Jika Islam adalah tindakan luar yang dapat dilihat, Iman adalah tindakan masuk, apa yang ada di dalam hati seseorang. Di peringkat ini umat Islam akan dipanggil Mukmin. Setiap Mukmin adalah seorang Muslim tetapi tidak sebaliknya.

Dalam kajian ini, Iman akan dinilai secara kognitif, emosi dan tingkah laku. Secara kognitif, Iman akan dinilai sebagai kepercayaan, keyakinan dan tanpa keraguan. Secara emosi, orang yang memiliki Iman akan memperoleh kestabilan emosi kerana dia yakin apa yang terjadi adalah menurut Qada 'dan Qadar Allah S.W.T. Ini akan mewujudkan kekuatan dalaman dan membawa kepada menghasilkan orang yang berjaya yang bijak dan saleh (Hamdan, 2008). Orang yang beriman akan cuba melakukan apa yang mereka perlu lakukan dan mencegah diri mereka daripada melakukan perkara-perkara yang menentang ajaran dan prinsip-prinsip Islam dalam diri mereka.

iii. Ihsan

Ihsan adalah peringkat akhir, tahap tertinggi di mana seseorang mencapai kesempurnaan ibadah dan watak yang mulia. Ihsan dijelaskan dalam Jibril Hadith seperti berikut: "Kamu menyembah Allah S.W.T seolah-olah kamu melihat-Nya, dan apabila kamu tidak dapat melihat-Nya, maka Dia melihat kamu." (Hadis Sahih al-Bukhari, 2. 43).

Ihsan bermaksud seseorang: 1) Menjaga hubungannya dengan Allah S.W.T dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menghindari larangan-Nya; 2) Berbuat baik kepada manusia, ini termasuklah ibu bapa, keluarga, saudara mara, jiran dan lain-lain; 3) Berbuat baik kepada ciptaan Allah S.W.T yang lain termasuk haiwan, pokok dan alam sekitar dan; 4) Menjaga diri dengan menjaga tubuh, minda dan jiwa serta meninggalkan perbuatan merosakkan diri.


Ihsan akan dinilai tentang bagaimana seseorang percaya perbuatan ihsannya dapat memberi manfaat kepada hubungannya dengan Allah S.W.T, kepada dirinya sendiri, orang lain, masyarakat dan ummah secara keseluruhannya. Secara emosi, seseorang akan dinilai tentang bagaimana emosinya apabila melakukan perbuatan ihsan. Secara tingkah laku, seseorang akan dinilai sejauh mana dia melakukan perbuatan ihsannya.

b. Terapi Tingkah laku Kognitif

Terapi Tingkah laku Kognitif (CBT) adalah pendekatan kaunseling yang menyatukan prinsip-prinsip tingkah laku dan kognitif berdasarkan karya Aaron T Beck dan Judith S Beck, dan Terapi Emosi Rasional berdasarkan karya Albert Ellis. Premis utama CBT ialah pola pemikiran dan kepercayaan, keadaan emosi dan tingkah laku yang semuanya saling berhubungan.

Mengikut Kennerley, Kirk dan Westbrook (2017), CBT moden mengenalpasti empat sistem dalaman individu yang saling berinteraksi iaitu kognitif, emosi, tingkah laku dan fisiologi. Rajah 2 di bawah berdasarkan illustrasi Padesky dan Mooney (1990) yang

menunjukkan bagaimana interaksi empat sistem dalaman individu dengan persekitarannya.



Rajah 2: Sistem Saling Interaksi Individu

Kennerley et al (2017) menyatakan proses penilaian di dalam CBT adalah untuk mencapai formulasi yang dipersetujui oleh kedua-dua klien dan kaunselor. Melalui CBT, proses penilaian mengambil lebih masa supaya maklumat yang diperolehi lebih tepat. Fokus utama dalam penilaian dan formulasi adalah mengenalpasti corak yang dikenalkan oleh klien apabila melalui proses psikologi. Proses psikologi ini melibatkan kognisi, tingkah laku, emosi dan maklumbalas fisiologi asal yang berlaku dikenalkan atau menjadi semakin teruk. Keadaan ini dapat dibantu oleh kaunselor supaya klien dapat mengenalpasti keadaannya yang sebenar sebelum mengenalpasti perubahan yang boleh dilakukan.

Kognitif mengikut Kennerley et al (2017) adalah pemikiran, imej mental, kepercayaan dan penterjemahan yang diberikan klien akan makna kepada situasi diri dan kehidupan mereka. Kognitif di dalam CBT merujuk kepada beberapa peringkat kognitif:

- i) pemikiran automatik: pemikiran yang terjadi secara langsung tanpa usaha berkaitan sesuatu situasi secara spesifik
- ii) kepercayaan teras: mewakili kepercayaan yang menjadi asas seseorang tentang diri mereka, orang lain dunia secara umum atau masa hadapan
- iii) andaian asas: mewakili peraturan kehidupan, selalunya di dalam bentuk jika, mesti dan sepatutnya

Emosi menurut Kennerley et al (2017) adalah pengalaman emosi yang dialami seseorang seperti marah, sedih, gelisah, suka, geram, gembira dan lain-lain yang dikaitkan dengan sesuatu perkara. Di dalam CBT klien diajar memberikan ukuran kepada intensiti emosi yang dialami apabila berhadapan dengan sesuatu situasi atau perkara.

Tingkah laku pula menurut Kennerley et al (2017) adalah apa yang dilakukan oleh klien iaitu tindakan dan aktiviti yang boleh dilihat secara nyata dan spesifik. Tindakan atau aktiviti yang dilakukan oleh klien ini dilihat secara terperinci berkaitan sesuatu perkara yang kemungkinan dijadikan suatu corak pengekalan tanpa disedari klien.

Di dalam kajian ini, ukuran **fisiologi dikeluarkan** kerana ianya biasanya digunakan untuk keskes seperti anjieti dan kemurungan serta memerlukan instrumen atau mesin seperti alat untuk mengukur kadar denyutan jantung. Ini pada kebiasaan jarang sekali digunakan untuk praktis klinikal (Kennerley et. al, 2017).

c. **Terapi Tingkah laku Kognitif Integrasi Keagamaan (Religious Integrated Cognitive Behavioral Therapy – RCBT)**

Gabungan pengkaji Pearce, Koenig, Robins, Nelson, Shaw, Cohen dan King (2015) mengenalkan RCBT sebagai kaedah terkini untuk membantu klien mengatasi masalah penyakit kronik. Menurut mereka RCBT adalah pendekatan yang mematuhi prinsip-prinsip dan gaya konvensional CBT dan secara uniknya menggunakan agama klien sendiri sebagai asas utama untuk membantu klien menggantikan pemikiran dan tingkah laku yang tidak diingini dan ini boleh mengurangkan simptom-simptom emosi seperti depresi. Di dalam kajian ini, item-item kajian dibangunkan menggunakan pendekatan CBT dengan agama Islam sebagai asas. Ini membolehkan klien beragama Islam membuat introspeksi diri tentang komitmen keberagamaan mereka. Ujian saringan juga dapat dilaksanakan oleh kaunselor ke atas klien supaya pemahaman mengenai komitmen keberagamaan klien dapat difahami dengan lebih jelas sebelum sesi dijalankan.

d. **Ilmu**

Melalui temuduga dengan pakar, tiga domain utama untuk *Mutadayyin* telah dapat dikeluarkan iaitu Islam, Iman dan Ihsan. Bagaimanapun terdapat tema tambahan yang dipperolehi melalui temuduga tersebut iaitu Ilmu. Lapan daripada sepuluh orang pakar yang ditemuduga telah menyatakan ilmu sebagai salah satu elemen *Mutadayyin* yang penting. Ini adalah kerana ilmu menjadi asas pembelajaran untuk seorang Muslim. Melalui ilmu, seorang Muslim akan dapat mengetahui tentang Islam dan ajarannya, cara beribadah, belajar akan perintah dan larangan Allah S.W.T, belajar al-Quran dan sunnah Rasulullah. Tanpa ilmu, seorang Muslim tidak akan dapat beriman dan beramal dengan baik. Oleh yang demikian, di dalam kajian ini Ilmu dimasukkan sebagai salah satu domain.

KONSTRUK INVENTORI MUTADAYYIN

Inventori *Mutadayyin* mempunyai empat domain utama iaitu konstruk; Islam, Iman, Ihsan dan Ilmu. Islam, Iman, Ihsan dan Ilmu dibahagikan kepada tiga pula sub konstruk untuk setiap satu seperti berikut:

- a. Islam
Sub Konstruk Islam Kognitif, Sub Konstruk Islam Emosi, Sub Konstruk Islam Tingkah Laku
- b. Iman
Sub Konstruk Iman Kognitif, Sub Konstruk Iman Emosi, Sub Konstruk Iman Tingkah Laku
- c. Ihsan
Sub Konstruk Ihsan Kognitif, Sub Konstruk Ihsan Emosi, Sub Konstruk Ihsan Tingkah Laku
- d. Ilmu
Sub Konstruk Ilmu Kognitif, Sub Konstruk Ilmu Emosi, Sub Konstruk Ilmu Tingkah Laku

PENERANGAN KONSTRUK DAN SUB KONSTRUK INVENTORI MUTADAYYIN

a. Konstruk Islam – Merujuk kepada Rukun Islam yang lima	
1. Sub Konstruk Islam Kognitif	Pemikiran, kepercayaan berkaitan Rukun Islam i. Mengucap dua kalimah syahadah ii. Menunaikan solat lima waktu iii. Berpuasa di bulan Ramadhan iv. Membayar zakat v. Menunaikan haji di Mekah
2. Sub Konstruk Islam Emosi	Emosi, komitmen, kesungguhan berkaitan Rukun Islam i. Mengucap dua kalimah syahadah ii. Menunaikan solat lima waktu

	<ul style="list-style-type: none"> iii. Berpuasa di bulan Ramadhan iv. Membayar zakat v. Menunaikan haji di Mekah
3. Sub Konstruk Islam Tingkah Laku	<p>Perbuatan dan amalan berkaitan Rukun Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mengucap dua kalimah syahadah ii. Menunaikan solat lima waktu iii. Berpuasa di bulan Ramadhan iv. Membayar zakat v. Menunaikan haji di Mekah
b. Konstruk Iman - Merujuk kepada Rukun Iman yang enam	
1. Sub Konstruk Iman Kognitif	<p>Pemikiran, kepercayaan berkaitan Rukun Iman</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Percaya kepada Allah S.W.T ii. Percaya kepada Malaikat iii. Percaya kepada kitab-kitab iv. Percaya kepada para nabi dan rasul v. Percaya kepada hari akhirat vi. Percaya kepada qada' dan qadar
2. Sub Konstruk Iman Emosi	<p>Emosi, komitmen, kesungguhan berkaitan Rukun Iman</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Percaya kepada Allah S.W.T ii. Percaya kepada Malaikat iii. Percaya kepada kitab-kitab iv. Percaya kepada para nabi dan rasul v. Percaya kepada hari akhirat vi. Percaya kepada qada' dan qadar
3. Sub Konstruk Iman Tingkah Laku	<p>Perbuatan dan amalan berkaitan Rukun Iman</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Percaya kepada Allah S.W.T ii. Percaya kepada Malaikat iii. Percaya kepada kitab-kitab iv. Percaya kepada para nabi dan rasul v. Percaya kepada hari akhirat vi. Percaya kepada qada' dan qadar
c. Konstruk Ihsan - Merujuk kepada hubungan dengan Allah S.W.T, manusia, makhluk lain dan penjagaan kesihatan dan diri	
1. Sub Konstruk Ihsan Kognitif	<p>Pemikiran, kepercayaan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Hubungan dengan Allah S.W.T ii. Hubungan dengan manusia iii. Hubungan dengan alam dan makhluk lain iv. Penjagaan kesihatan dan diri
2. Sub Konstruk Ihsan Emosi	<p>Emosi, komitmen, kesungguhan berkaitan Ihsan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Hubungan dengan Allah S.W.T ii. Hubungan dengan manusia iii. Hubungan dengan alam dan makhluk lain iv. Penjagaan kesihatan dan diri
3. Sub Konstruk Ihsan Tingkah Laku	<p>Perbuatan dan amalan berkaitan Ihsan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Hubungan dengan Allah S.W.T ii. Hubungan dengan manusia iii. Hubungan dengan alam dan makhluk lain iv. Penjagaan kesihatan dan diri

d. Konstruk Ilmu - Merujuk kepada ilmu, pembelajaran dan pendidikan	
1. Sub Konstruk Ilmu Kognitif	Pemikiran, kepercayaan berkaitan dengan ilmu, pembelajaran dan pendidikan
2. Sub Konstruk Ilmu Emosi	Emosi, komitmen, kesungguhan berkaitan dengan ilmu, pembelajaran dan pendidikan
3. Sub Konstruk Ilmu Tingkah Laku	Perbuatan dan amalan berkaitan dengan ilmu, pembelajaran dan pendidikan

TUJUAN SOAL SELIDIK KESAHAN KANDUNGAN INVENTORI MUTADAYYIN

Tujuan soal selidik kesahan kandungan oleh panel pakar bagi soal selidik Inventori *Mutadayyin* ini ialah;

- a. Memperoleh nilai kesahan kandungan keseluruhan Inventori *Mutadayyin*
- b. Memperoleh nilai kesahan kandungan sub konstruk 1: Islam Kognitif
- c. Memperoleh nilai kesahan kandungan sub konstruk 2: Islam Emosi
- d. Memperoleh nilai kesahan kandungan sub konstruk 3: Islam Tingkah Laku
- e. Memperoleh nilai kesahan kandungan sub konstruk 4: Iman Kognitif
- f. Memperoleh nilai kesahan kandungan sub konstruk 5: Iman Emosi
- g. Memperoleh nilai kesahan kandungan sub konstruk 6: Iman Tingkah Laku
- h. Memperoleh nilai kesahan kandungan sub konstruk 7: Ihsan Kognitif
- i. Memperoleh nilai kesahan kandungan sub konstruk 8: Ihsan Emosi
- j. Memperoleh nilai kesahan kandungan sub konstruk 9: Ihsan Tingkah Laku
- k. Memperoleh nilai kesahan kandungan sub konstruk 10: Ilmu Kognitif
- l. Memperoleh nilai kesahan kandungan sub konstruk 11: Ilmu Emosi
- m. Memperoleh nilai kesahan kandungan sub konstruk 12: Ilmu Tingkah Laku

Arahan:

Saya memohon jasa baik pihak YgBhg. Prof/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan dan Puan untuk menilai pernyataan yang ada untuk mendapat **koefisien kesahan** bagi soal selidik ini.

Sila nyatakan tahap persetujuan anda tentang pernyataan di bawah sama ada mewakili konstruk yang dikenalpasti. Sila gunakan skala berikut untuk memberikan respon anda.

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Sangat Tidak Setuju					Sangat Setuju				

A)

ISLAM KOGNITIF

Sub konstruk Islam Kognitif mengukur **pemikiran, kepercayaan berkaitan Rukun Islam** iaitu:

- i) Mengucap dua kalimah syahadah
- ii) Menunaikan solat lima waktu
- iii) Berpuasa di bulan Ramadhan
- iv) Membayar zakat
- v) Menunaikan haji di Mekah

- Contoh item positif: Saya yakin solat membentuk peribadi saya
- Contoh item negatif: Saya percaya pendapatan saya adalah hak mutlak saya

KONSTRUK ISLAM KOGNITIF		Skala Persetujuan										Catatan
MENGUCAP DUA KALIMAH SYAHADAH												
1	Saya percaya syahadah menjadikan saya Muslim yang bertanggungjawab	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
2	Saya tahu bagaimana mengucap syahadah dengan betul	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
*3	Saya fikir syahadah tidak penting selagi seseorang itu baik (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
MENUNAIKAN SOLAT LIMA WAKTU												
*4	Saya tidak tahu menunaikan solat dengan sempurna (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
5	Saya yakin solat membentuk peribadi saya	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
6	Saya percaya solat dalam waktu boleh mendidik saya untuk mengurus masa	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
BERPUASA PADA BULAN RAMADHAN												
*7	Saya percaya tiada kaitan antara berpuasa dan kesihatan badan (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
8	Saya yakin puasa dapat menahan diri daripada melakukan perkara mungkar	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
9	Saya tahu bulan Ramadhan istimewa daripada bulan-bulan lain	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
MEMBAYAR ZAKAT												
10	Saya fikir membayar zakat menambah keberkatan rezeki	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
11	Saya percaya zakat dapat membantu mengukuhkan ekonomi orang Islam	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
*12	Saya percaya pendapatan saya adalah hak mutlak saya (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
MENUNAIKAN HAJI												
*13	Saya tidak percaya menunaikan haji sebelum meninggal dunia adalah satu kemestian (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
14	Saya tahu haji yang mabrur akan memberi kesan baik yang berpanjangan dalam kehidupan	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
15	Saya percaya haji adalah pengorbanan diri untuk mendapatkan keredhaan Allah S.W.T	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
	Cadangan Penambahbaikan Pakar:											

B) ISLAM EMOSI

Sub konstruk Islam Emosi mengukur **emosi, komitmen, kesungguhan berkaitan Rukun Islam**. Ianya meliputi perasaan individu secara umum, perasaan semasa dan selepas melaksanakan Rukun Islam; serta kesungguhan dan komitmen individu terhadap ibadah yang bersangkut paut dengan Rukun Islam iaitu:

- i) Mengucap dua kalimah syahadah
- ii) Menunaikan solat lima waktu
- iii) Berpuasa di bulan Ramadhan
- iv) Membayar zakat
- v) Menunaikan haji di Mekah

- Contoh item positif: Saya kusyuk menunaikan solat
- Contoh item negatif: Saya kurang sabar apabila berpuasa

KONSTRUK ISLAM EMOSI		Skala Persetujuan										Catatan
MENGUCAP DUA KALIMAH SYAHADAH												
16	Saya mengucap dua kalimah syahadah dengan ikhlas	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
17	Saya tiada rasa ragu-ragu apabila bersyahadah	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
*18	Saya kurang menghayati makna syahadah (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
MENUNAIKAN SOLAT LIMA WAKTU												
19	Saya gelisah jika lewat menunaikan solat	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
20	Saya kusyuk menunaikan solat	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
*21	Saya sukar untuk menghayati bacaan dalam solat (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
BERPUASA PADA BULAN RAMADHAN												
*22	Saya kurang sabar apabila berpuasa (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
23	Saya simpati dengan kesusahan orang miskin apabila berpuasa	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
24	Saya seronok berpuasa	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
MEMBAYAR ZAKAT												
25	Saya rasa bersyukur jika dapat membayar zakat	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
26	Saya berasa tenteram jika zakat fitrah saya telah dibayar	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
*27	Saya rasa tidak puas hati kenapa zakat perlu dibayar (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
MENUNAIKAN HAJI												
28	Saya bimbang jika tidak menunaikan haji sebelum meninggal dunia	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
29	Saya gembira jika saya dapat menunaikan haji dengan sempurna	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
*30	Saya bahagia jika dapat menunaikan haji walaupun daripada sumber yang diragui (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
	Cadangan Penambahbaikan Pakar:											

C) ISLAM TINGKAH LAKU

Sub konstruk Islam Tingkah laku mengukur **amalan individu dalam melaksanakan Rukun Islam**. Ia meliputi ibadah Rukun Islam yang dilaksanakan termasuklah dalam bentuk perbuatan mahupun percakapan iaitu:

- Mengucap dua kalimah syahadah
- Menunaikan solat lima waktu
- Berpuasa di bulan Ramadhan
- Membayar zakat
- Menunaikan haji di Mekah

- Contoh item positif: Saya menyimpan wang untuk menunaikan haji
- Contoh item negatif: Saya jarang solat secara berjemaah

KONSTRUK ISLAM TINGKAH LAKU		Skala Persetujuan										Catatan
MENGUCAP DUA KALIMAH SYAHADAH												
*31	Saya lama tidak mengucap syahadah (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
32	Saya mengucap syahadah setiap hari (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
33	Saya berzikir menyebut Lailahaillallah Muhammad Rasullullah	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
MENUNAIKAN SOLAT LIMA WAKTU												
34	Saya menunaikan solat fardhu lima kali sehari pada awal waktu	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
*35	Saya jarang solat secara berjemaah (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
36	Saya menunaikan solat dengan tama'ninah (tenang dan tidak tergesa-gesa dalam solat)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
BERPUASA PADA BULAN RAMADHAN												
*37	Saya berpuasa tetapi tidak menghindari perkara yang boleh mengurangkan pahala (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
38	Saya bersahur apabila berpuasa	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
39	Saya memperbanyakkan amal ibadat sunat apabila berpuasa	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
MEMBAYAR ZAKAT												
40	Saya atau penjaga saya membayar zakat fitrah untuk diri saya setiap tahun	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
41	Saya mengingatkan ahli keluarga saya membayar zakat	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
*42	Saya tidak ambil penting tentang bayaran zakat saya (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
MENUNAIKAN HAJI												
43	Saya menyimpan wang untuk menunaikan haji	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
*44	Saya tidak membuat persediaan untuk mengerjakan ibadah haji (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
45	Saya telah berdaftar untuk menunaikan haji	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
	Cadangan Penambahbaikan Pakar:											

D) IMAN KOGNITIF

Konsep Iman Kognitif – sub konstruk Iman Kognitif mengukur pemikiran dan kepercayaan individu dalam perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan Rukun Iman iaitu:

- Percaya kepada Allah S.W.T
- Percaya kepada Malaikat
- Percaya kepada kitab-kitab
- Percaya kepada para nabi dan rasul

- v) Percaya kepada hari akhirat
- vi) Percaya kepada qada' dan qadar
- Contoh item positif: Saya tahu malaikat mencatat setiap apa yang saya lakukan
- Contoh item negatif: Saya fikir kewujudan alam bukan bukti kewujudan Allah S.W.T

KONSTRUK IMAN KOGNITIF		Skala Persetujuan									Catatan
PERCAYA KEPADA ALLAH S.W.T											
46	Saya percaya bahawa Allah S.W.T Maha Berkuasa mencipta segala sesuatu	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
*47	Saya fikir kewujudan alam bukan bukti kewujudan Allah S.W.T (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
48	Saya tahu sifat-sifat wajib Allah S.W.T	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
PERCAYA KEPADA PARA MALAIKAT											
49	Saya percaya malaikat mempunyai peranan masing-masing	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
50	Saya tahu malaikat mencatat setiap apa yang saya lakukan	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
*51	Saya tidak yakin malaikat wujud (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
PERCAYA KEPADA KITAB-KITAB											
52	Saya percaya al-Quran sebagai kitab suci terakhir	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
*53	Saya tidak yakin isi kandungan al-Quran akan terpelihara sehingga hari akhirat (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
54	Saya tahu al-Quran adalah wahyu daripada Allah S.W.T	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
PERCAYA KEPADA PARA NABI DAN RASUL											
55	Saya tahu para Nabi dan Rasul diutuskan Allah S.W.T untuk membimbing manusia	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
56	Saya yakin Nabi Muhammad S.A.W adalah contoh teladan terbaik	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
*57	Saya percaya Nabi Muhammad S.A.W ada dosa (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
PERCAYA KEPADA HARI AKHIRAT											
58	Saya tahu manusia akan dibangkitkan pada hari akhirat untuk diadili	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
59	Saya yakin akan adanya kehidupan setelah mati	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
*60	Saya tidak percaya kita perlu membuat persediaan untuk kehidupan akhirat (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
PERCAYA KEPADA QADA' DAN QADAR											
61	Saya percaya bahawa setiap sesuatu yang terjadi ada hikmah di sebaliknya	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
62	Saya tahu Allah S.W.T tidak akan membebankan saya dengan perkara yang tidak mampu ditanggung oleh saya	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
*63	Saya yakin saya perlu bergantung kepada diri sendiri semata-mata dalam apa jua usaha yang saya lakukan (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
	Cadangan Penambahbaikan Pakar:										

E) IMAN EMOSI

Konsep Iman Emosi – sub konstruk Iman Emosi mengukur **emosi, komitmen, kesungguhan individu berkaitan dengan perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan Rukun Iman**. Ianya meliputi perasaan individu serta kesungguhan dan komitmen individu terhadap perkara yang bersangkutan paut dengan Rukun Iman iaitu:

- i. Percaya kepada Allah S.W.T
- ii. Percaya kepada Malaikat
- iii. Percaya kepada kitab-kitab
- iv. Percaya kepada para nabi dan rasul
- v. Percaya kepada hari akhirat
- vi. Percaya kepada qada' dan qadar

- Contoh item positif: Saya berasa tenang apabila membaca al-Quran
- Contoh item negatif: Saya tertekan dengan ujian Allah S.W.T kepada saya

KONSTRUK IMAN EMOSI		Skala Persetujuan										Catatan
PERCAYA KEPADA ALLAH S.W.T												
64	Saya redha dengan ketentuan Allah S.W.T	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
65	Saya berasa rendah diri di hadapan Allah S.W.T Yang Maha Agung	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
*66	Saya berasa resah untuk bertawakkal kepada Allah S.W.T setelah berusaha (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
PERCAYA KEPADA PARA MALAIKAT												
67	Saya berasa kagum dengan malaikat yang sentiasa mematuhi perintah Allah S.W.T	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
*68	Saya berasa selesa walaupun tahu malaikat ada mencatat apa yang saya lakukan (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
69	Saya berasa gerun membayangkan seksaan malaikat di alam kubur	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
PERCAYA KEPADA KITAB-KITAB												
*70	Saya tidak berasa kagum dengan isi kandungan ayat-ayat al-Quran (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
71	Saya berasa tenang apabila membaca al-Quran	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
72	Saya berasa insaf ketika membaca al-Quran tentang bala yang menimpa golongan yang engkar	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
PERCAYA KEPADA PARA NABI DAN RASUL												
*73	Saya tidak terharu apabila mengenangkan pengorbanan Nabi Muhammad S.A.W terhadap umatnya (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
74	Saya seronok dapat membaca sirah Nabi	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
75	Saya berasa kagum dengan perjuangan para nabi	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
PERCAYA KEPADA HARI AKHIRAT												
76	Saya berharap menerima buku amalan melalui tangan kanan pada hari kiamat nanti	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
*77	Saya tidak takut membayangkan keadaan saya selepas mati (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
78	Saya berasa takut hukuman di hari akhirat jika saya engkar perintah Allah S.W.T	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	

PERCAYA KEPADA QADA' DAN QADAR										
*79	Saya tertekan dengan ujian Allah S.W.T kepada saya (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9 10
80	Saya berasa tenang bergantung harap kepada Allah S.W.T	1	2	3	4	5	6	7	8	9 10
81	Saya tidak putus asa mengharapkan rahmat Allah S.W.T	1	2	3	4	5	6	7	8	9 10
Cadangan Penambahbaikan Pakar:										

F) IMAN TINGKAH LAKU

Konsep Iman Tingkah laku– sub konstruk Iman Tingkah laku mengukur **perbuatan dan amalan individu dalam perkara-perkara yang bersangkut paut dengan Rukun Iman**. Ia meliputi perkara dalam Rukun Iman yang dilaksanakan termasuklah dalam bentuk perbuatan mahupun percakapan iaitu:

- i. Percaya kepada Allah S.W.T
- ii. Percaya kepada Malaikat
- iii. Percaya kepada kitab-kitab
- iv. Percaya kepada para nabi dan rasul
- v. Percaya kepada hari akhirat
- vi. Percaya kepada qada' dan qadar

- Contoh item positif: Saya tidak menyembah selain Allah S.W.T
- Contoh item negatif: Saya kurang berusaha mengikut sunnah Rasulullah

KONSTRUK IMAN TINGKAH LAKU		Skala Persetujuan									Catatan
PERCAYA KEPADA ALLAH S.W.T											
82	Saya tidak menyembah selain Allah S.W.T	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
*83	Saya kadangkala ada mengikut kepercayaan orang tua-tua yang tidak selaras dengan agama (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
84	Saya melaksanakan apa yang diperintahkan oleh Allah S.W.T semampu saya	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
PERCAYA KEPADA PARA MALAIKAT											
85	Saya buat perkara kebaikan supaya catatan amalan kebaikan saya meningkat	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
*86	Saya kadangkala terlupa menjaga percakapan saya walaupun ada malaikat merekod perbualan saya (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
87	Saya menjauhi perkara maksiat supaya tidak tercatat sebagai dosa saya	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
PERCAYA KEPADA KITAB-KITAB											
88	Saya berusaha mengetahui makna ayat al-Quran yang saya baca	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
*89	Saya tidak membaca al-Quran setiap hari (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10

90	Saya membaca tafsir al-Quran untuk memahami al-Quran dengan lebih baik	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10
PERCAYA KEPADA PARA NABI DAN RASUL		
91	Saya mencontohi akhlak nabi dalam kehidupan sehari-hari	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10
92	Saya selalu berselawat kepada Nabi Muhammad S.A.W	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10
*93	Saya kurang berusaha mengikut sunnah Rasulullah (negative item)	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10
PERCAYA KEPADA HARI AKHIRAT		
94	Saya berdoa kepada Allah S.W.T supaya mendapat kebaikan di akhirat	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10
95	Saya berbuat amal kebaikan sebagai bekalan di hari akhirat	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10
*96	Saya kurang membuat persediaan untuk menghadapi hari akhirat (negative item)	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10
PERCAYA KEPADA QADA' DAN QADAR		
*97	Saya tidak berusaha bersungguh-sungguh melakukan sesuatu kerana ianya telah ditakdirkan (negative item)	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10
98	Saya berikhтир mendapatkan yang terbaik dalam hidup saya	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10
99	Saya berusaha membuat perubahan dalam hidup saya ke arah kebaikan	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10
	Cadangan Penambahbaikan Pakar:	

G. IHSAN KOGNITIF

Konsep Ihsan Kognitif – sub konstruk Ihsan Kognitif mengukur **pemikiran dan kepercayaan individu berkaitan Ihsan** seperti berikut:

- i) Hubungan dengan Allah S.W.T
 - ii) Hubungan dengan manusia
 - iii) Hubungan dengan alam dan makhluk lain
 - iv) Penjagaan kesihatan dan diri
- Contoh item positif: Saya tahu Allah S.W.T sentiasa memerhatikan saya
 - Contoh item negatif: Saya fikir mengumpat tidak memberi kesan yang buruk kepada sesiapa

KONSTRUK IHSAN KOGNITIF		Skala Persetujuan	Catatan
HUBUNGAN DENGAN ALLAH S.W.T			
100	Saya percaya diri saya adalah hamba Allah S.W.T yang taat	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10	
101	Saya tahu Allah S.W.T sentiasa memerhatikan saya	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10	
*102	Saya beranggapan pandangan manusia lebih penting daripada pandangan Allah S.W.T (negative item)	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10	

HUBUNGAN DENGAN MANUSIA										
103	Saya percaya dengan memudahkan urusan orang lain, Allah S.W.T akan permudahkan urusan saya	1	2	3	4	5	6	7	8	9 10
104	Saya percaya orang yang terbaik adalah yang memberi manfaat kepada orang lain	1	2	3	4	5	6	7	8	9 10
*105	Saya fikir mengumpat tidak memberi kesan yang buruk kepada sesiapa (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9 10
HUBUNGAN DENGAN ALAM DAN MAKHLUK LAIN										
*106	Saya percaya menjaga alam sekitar bukanlah tanggungjawab saya (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9 10
107	Saya tahu semua makhluk dijadikan untuk saling melengkapi antara satu sama lain	1	2	3	4	5	6	7	8	9 10
108	Saya percaya perbuatan menyeksa binatang adalah perbuatan zalim	1	2	3	4	5	6	7	8	9 10
PENJAGAAN DIRI SENDIRI DAN KESIHATAN										
109	Saya tahu menutup aurat adalah kewajipan saya sebagai seorang Islam	1	2	3	4	5	6	7	8	9 10
*110	Saya fikir menjaga kesihatan diri bukanlah tanggungjawab setiap Muslim (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9 10
111	Saya percaya Allah S.W.T sukaan orang yang menjaga kebersihan diri	1	2	3	4	5	6	7	8	9 10
	Cadangan Penambahbaikan Pakar:									

H. IHSAN EMOSI

Konsep Ihsan Emosi – sub konstruk Ihsan Emosi mengukur **emosi, komitmen, kesungguhan individu berkaitan Ihsan**. Ianya meliputi perasaan individu serta kesungguhan dan komitmen individu terhadap perkara yang bersangkutan paut dengan Ihsan iaitu:

- i) Hubungan dengan Allah S.W.T
- ii) Hubungan dengan manusia
- iii) Hubungan dengan alam dan makhluk lain
- iv) Penjagaan kesihatan dan diri

- Contoh item positif: Saya merasa gembira apabila dapat bersedekah
- Contoh item negatif: Saya mudah rasa sedih kerana sering tertekan

KONSTRUK IHSAN EMOSI		Skala Persetujuan									Catatan
HUBUNGAN DENGAN ALLAH S.W.T											
112	Saya sangat takutkan kemurkaan Allah S.W.T	1	2	3	4	5	6	7	8	9 10	
113	Saya sangat mengharapkan keberkatan daripada Allah S.W.T dalam apa juga yang saya lakukan	1	2	3	4	5	6	7	8	9 10	
*114	Saya jarang bersyukur kepada Allah S.W.T dalam kehidupan saya (negative item)	1	2	3	4	5	6	7	8	9 10	
HUBUNGAN DENGAN MANUSIA											

115	Saya berasa gembira apabila dapat bersedekah	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10								
*116	Saya berasa puas hati apabila dapat melepaskan kemarahan saya kepada orang lain (negative item)	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10								
117	Saya berasa gembira apabila dapat membantu orang lain	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10								
HUBUNGAN DENGAN ALAM DAN MAKHLUK LAIN										
*118	Saya tidak ambil peduli apabila melihat alam sekitar dicemari (negative item)	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10								
119	Saya gembira apabila dapat memberi haiwan makan	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10								
120	Saya berasa tenang apabila melihat keindahan alam	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10								
PENJAGAAN DIRI SENDIRI DAN KESIHATAN										
121	Saya gembira apabila makan makanan yang sihat	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10								
122	Saya berasa bersyukur apabila saya sihat	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10								
*123	Saya sukar menguruskan emosi saya dengan baik (negative item)	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10								
